

18 OCT 2003

Rekod-Gigi (Bergambar)

RAJA GIGI PECAH REKOD DUNIA TARIK BEBAN 260.8 TAN

Records" dan take 3 para 4,5 "World Guinness Book of Records"

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- V. Rathakrishnan atau lebih dikenali Raja Gigi hari ini sekali lagi membuat Malaysia bangga setelah berjaya menarik enam gerabak keretapi seberat 260.8 tan sejauh 4.2 meter dengan giginya.

Sekaligus beliau memecah rekod dunia sebelum ini yang dipegang oleh rakyat Belgium Walter Arfeuille yang menarik beban 200.8 tan sejauh tiga meter.

Pencapaian cemerlang Rathakrishnan, 37, dalam projek yang dikenali "Semangat Malaysia Perkasa" disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan tetamu diraja yang tidak dijangka Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah, di Stesen Keretapi Tanah Melayu di sini.

Ketika ditemui pemberita selepas itu, Rathakrishnan yang bangga dengan pencapaiannya berkata, kejayaan beliau adalah dorongan mantera "Malaysia Boleh" yang dilaungkan oleh orang ramai dan juga dengan kehadiran Dr Mahathir.

"Selama ini saya konsentrasi muka tren komuter, tapi ini hari saya konsentrasi Datuk Seri Dr Mahathir punya muka lepas tu saya tarik, sebab tu walaupun kita planning 3.5 meter saja dia punya jarak, tapi saya boleh capai 4.2 meter," katanya.

Dr Mahathir telah turut menyampaikan sijil "Malaysia Book of Records" kepada Rathakrishnan selepas kejayaannya itu dan telah menyampaikan ucapan tahniah kepadanya.

Rathakrishnan berkata kepada pemberita, Perdana Menteri turut memberi galakan kepadanya apabila diberitahu bahawa beliau berhasrat memecahkan lima lagi rekod dunia.

Ditanya mengenai rahsia kekuatannya, Rathakrishnan berkata selain pemeriksaan gigi setiap tiga bulan, beliau mengamalkan diet 90 peratus sayuran dan bakinya ayam dan ikan.

Beliau yang juga tidak mengambil minuman berais dan mengurangkan makanan pedas, bagaimanapun berkata kekuatan sebenar adalah datang dari dalam badan menerusi kawalan pernafasan.

Anak kelahiran Kuala Lumpur tetapi dibesarkan di Negeri Sembilan ini berkata beliau berlatih menarik gerabak keretapi sejak setahun lepas.

Rathakrishnan yang hanya setinggi 168sm dengan berat 82kg pertama kali menguji kekuatan giginya 10 tahun lepas dengan menarik sebuah bas seberat 10.8 tan, di Stesen Keretapi Tampin.

Pada Januari 2001, kejayaan beliau menarik sebuah gerabak keretapi seberat 37.35 tan sejauh 8.37 meter di Stesen Keretapi Klang dicatatkan dalam "Malaysia Book of Records" diikuti dengan satu lagi rekod sebulan selepas itu dengan kejayaan mengangkat beban seberat 130kg setinggi 12.1sm dari lantai.

Ditanya mengenai nasihat beliau kepada generasi muda, Rathakrishnan berkata: "Nasihat saya kepada generasi muda ialah jangan kata letih, jangan kata tak boleh, dua ni jangan guna."

Sementara itu Pengarah Urusan "Malaysia Book of Records" Datuk Danny Ooi berkata, segala dokumen dan rakaman video pencapaian Rathakrishnan hari ini akan dihantar ke London minggu depan, untuk mendapatkan pengiktirafan daripada "World Guinness Book of Records" di bawah kategori beban terberat ditarik dengan gigi. "Kita jangka ia akan mengambil masa sebulan untuk dapat pengiktirafan," katanya.

Sejak diwujudkan pada 1995, `Malaysia Book of Records' kini menyimpan 2,300 rekod peringkat Malaysia dan lebih 20 daripadanya tercatat dalam "World Guinness Book of Records".

Projek "Semangat Malaysia Perkasa" dianjurkan sebuah syarikat Bumiputera YZ Alliance Group Sdn Bhd dan Keretapi Tanah Melayu Berhad.

-- BERNAMA

NM HK BK